

- (b) Kursus yang dipohon pemindahan kredit tidak merupakan sebahagian daripada program di mana pemohon telah dianugerahkan sijil;
- (c) Kursus yang dipohon pemindahan kredit hendaklah mempunyai sekurang-kurangnya 75 peratus pertindihan kandungan kursus dengan kursus yang ditawarkan oleh Institut;
- (d) Gred atau mata gred yang diperolehi untuk kursus berkenaan adalah tidak kurang daripada gred C atau mata gred 2.00 atau gred yang setara;
- (e) Kursus yang dipohon untuk pemindahan kredit telah diambil dalam tempoh masa tidak lebih daripada tiga (3) tahun yang lalu; dan
- (f) Bilangan kredit yang boleh diluluskan untuk pemindahan kredit hendaklah tidak melebihi satu pertiga (1/3) daripada jumlah kredit bagi sesuatu program pengajian.
- 4.2.2 Pihak Institut berhak mengadakan ujian untuk menentukan sama ada pemindahan kredit boleh diberikan kepada pelajar bagi mana-mana kursus.
- 4.2.3 Jumlah kredit bagi kursus yang mendapat pemindahan kredit akan dikira sebagai sebahagian daripada jumlah kredit yang diperlukan untuk bergraduasi.
- 4.2.4 Pengiraan PMG/PMGT akan mengambil kira nilai pemindahan kredit yang diperolehi.

4.2.5

Pelajar boleh memohon pemindahan kredit sekali sahaja iaitu semasa pendaftaran semester pertama pengajian. Borang permohonan perlu diserahkan kepada Pengarah bersama-sama dengan dokumen yang berikut :

- (a) salinan transkrip akademik yang lengkap dan disahkan; dan
- (b) salinan sukatan kursus berkenaan yang disahkan.

4.2.6

Senat mempunyai kuasa untuk meluluskan permohonan pemindahan kredit dan keputusan tersebut hendaklah dimaklumkan melalui IPG kampus.

4.3 PENGECUALIAN KREDIT

4.3.1

Pengecualian Kredit merujuk kepada bilangan kredit yang diberikan pengecualian oleh Institut kepada pelajar sesuatu program sebelum sesi pengajian baharu berdasarkan kelayakan sedia ada seperti sijil/ diploma/ijazah atau pengalaman.

4.3.2

Pemberian Pengecualian Kredit tertakluk kepada syarat-syarat berikut :

- (a) Kursus yang diberikan Pengecualian Kredit hendaklah setara atau lebih tinggi daripada kursus yang ditawarkan oleh Institut;
- (b) Kursus yang diberikan Pengecualian Kredit hendaklah mempunyai sekurang-kurangnya 75% pertindihan kandungan kursus dengan kursus yang ditawarkan oleh Institut;